A

Masyur Mutiara Sdn Bhd lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — RAYUAN JENAYAH NO KA-41S-13–11 TAHUN 2019 DAN KA-41S-15–11 TAHUN 2019
MOHAMAD ABAZAFREE H
14 OGOS 2024

C *Prosedur Sivil — Mahkamah — Bidang kuasa — Mahkamah majistret — Pertuduhan di bawah s 56(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) yang dibaca bersama-sama dengan s 51F(a) Akta 177 — Kesalahan ketakpatuhan award Mahkamah Perusahaan — Sama ada majistret bertindak melebihi bidang kuasa yang diperuntukkan apabila menjatuhkan hukuman denda melebihi RM10,000 — Akta Mahkamah Rendah 1948 s 87(1)(c)*

D

Prosedur Jenayah — Izin — Kegagalan mendapatkan izin pendakwa raya — Sama ada terdapat kekhilafan dalam pemulaan pendakwaan terhadap perayu

E

Undang-Undang Buruh — Mahkamah Perusahaan — Award — Kegagalan mematuhi — Pertuduhan di bawah s 56(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) yang dibaca bersama-sama dengan s 51F(a) Akta 177

F *— Majistret menjatuhkan hukuman denda dan denda tambahan — Jumlah denda yang dijatuhkan melebihi RM10,000 — Sama ada majistret bertindak melebihi bidang kuasa yang diperuntukkan bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 apabila menjatuhkan hukuman denda melebihi RM10,000*

G Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia ('JPPM') telah menerima aduan daripada Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Hotel, Bar dan Restoran Semenanjung Malaysia ('Kesatuan') berhubung ketidakpatuhan perayu terhadap Award Mahkamah Perusahaan No 1684 Tahun 2013 ('Award Tahun 2013'). Melalui Award Tahun 2013 tersebut, Mahkamah Perusahaan

H telah mengarahkan perayu untuk membayar faedah persaraan kepada seorang bernama Puan Balkhis bt Husin berjumlah RM41,394. Perayu telah membuat sebahagian bayaran iaitu sebanyak RM17,513 kepada Puan Balkhis bt Husin melalui Kesatuan. Apabila Kesatuan menuntut baki bayaran sebanyak RM23,881 daripada perayu, perayu gagal mengemukakan sebarang maklum

I balas. Selain itu, JPPM telah menerima aduan berhubung satu lagi ketidakpatuhan perayu terhadap Award Mahkamah Perusahaan No 151 Tahun 2015 bertarikh 10 Februari 2015 ('Award Tahun 2015'). Melalui Award Tahun 2015, Mahkamah Perusahaan telah mengarahkan perayu untuk membayar faedah persaraan seorang bernama Puan Zurriyani bt Omar berjumlah

RM44,099.17 melalui Kesatuan dalam tempoh 14 hari. Walau bagaimanapun, perayu masih gagal membuat apa-apa bayaran seperti yang diperintahkan oleh Mahkamah Perusahaan. Berikutan itu, perayu dituduh di mahkamah majistret terhadap dua pertuduhan berasingan, menurut s 56(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ('Akta 177') dibaca bersama-sama s 51F Akta 177 untuk ketakpatuhan. Majistret menjatuhkan hukuman: (a) untuk kes berkaitan Award Tahun 2013, denda RM1,000 dan denda tambahan RM1,071,000 (RM500 x 2,142 hari); dan (b) untuk kes berkaitan Award Tahun 2015, denda RM1,000 dan denda tambahan RM829,500 (RM500 x 1,659 hari). Oleh itu, rayuan ini. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah (i) sama ada mahkamah majistret mempunyai bidang kuasa untuk memberi hukuman yang melebihi bidang kuasa majistret sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92); dan (ii) sama ada keseluruhan pendakwaan adalah satu kesilapan dan tidak sah kerana tidak terdapat keizinan daripada pendakwa raya.

Diputuskan, menolak rayuan; mengekalkan keputusan mahkamah majistret:

(1) Kedua-dua pertuduhan menyatakan berkenaan kesalahan yang dilakukan oleh perayu iaitu satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 56(3) dan dibaca bersama dengan s 51F Akta 177. Di dalam kedua-dua pertuduhan, turut dinyatakan di bahagian hukuman bahawa perayu boleh dikenakan denda tambahan sebanyak RM500 bagi setiap hari kesalahan tersebut berterusan. Seksyen 56(3) Akta 177 menyatakan dengan jelas bahawa hukuman yang boleh dikenakan adalah 'be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and a further fine of five hundred ringgit for every day during which such offence continues'. Oleh itu, hukuman asal yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi RM2,000 namun peruntukan tersebut memberikan budi bicara kepada Tuan majistret untuk mengenakan denda lanjut (*further fine*) sebanyak RM500 untuk setiap hari kesalahan tersebut berterusan (lihat perenggan 20–23).

(2) Kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah masih berterusan dilakukan walaupun pertuduhan telah difailkan dan dibacakan. Kesalahan hanya berhenti apabila perayu mematuhi kedua-dua award tersebut. Sehubungan dengan itu, denda atau penalti lanjutan yang dikenakan oleh Tuan majistret tersebut bukanlah merupakan satu kesalahan lanjutan yang memerlukan satu pertuduhan berasingan dikenakan. Selanjutnya, denda lanjutan ini adalah merupakan peruntukan khusus yang diperuntukkan oleh Akta 177 kepada kesalahan khusus di bawah Akta ini. Maka ia adalah merupakan satu peruntukan khusus yang dibenarkan sepertimana proviso di bawah s 87(1) Akta 92 (lihat perenggan 28 & 34–35).

(3) Hujahan bahawa perayu tidak dimaklumkan berkaitan cara pengiraan denda lanjutan tersebut adalah tidak bermerit mengambil kira kerana: (a) ketika prosiding jatuhan hukuman tersebut, perayu diwakili oleh seorang peguam; dan (b) di dalam kertas pertuduhan ke atas perayu, ternyata pihak PR telah menyatakan di bahagian hukuman bahawa denda tambahan sebanyak RM500 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan boleh dikenakan. Ini secara nyata dan jelas memberi maklumat bahawa pengenaan denda tambahan tersebut dikira selagi mana jumlah award Mahkamah Perusahaan tidak diselesaikan. Oleh itu, keputusan denda tambahan yang dikenakan terhadap perayu tersebut bukanlah satu kejutan dan tempoh kesalahan tersebut sememangnya di dalam pengetahuan perayu (lihat perenggan 37 & 39).

(4) Seksyen 51E 177 memperuntukkan dua pilihan pendakwaan iaitu 'by the public prosecutor' atau 'with the consent of the public prosecutor'. Dalam kes ini, kehadiran timbalan pendakwa raya ('TPR') semasa prosiding kes jelas tercakup bawah 'by the public prosecutor' kerana TPR adalah alter ego pendakwa raya. Oleh itu, tiada kekhilafan yang berlaku dalam pemulaan pendakwaan atas perayu (lihat perenggan 45–46 & 48).

[English summary

The Department of Industrial Relations Malaysia ('DIRM') had received a complaint from the Secretary-General of the National Union of Hotel, Bar and Restaurant Employees of Peninsular Malaysia ('the Union') due to the appellant's non-compliance of the Industrial Court Award No 1684 of 2013 ('2013 Award'). The Industrial Court in the 2013 award had ordered the appellant to pay retirement benefits to one Puan Balkhis bt Husin amounting to RM41,394. The appellant had made a partial payment of RM17,513 to Puan Balkhis bt Husin through the Union. When the Union demanded the remaining payment of RM23,881 from the appellant, the appellant failed to submit any response. In addition, DIRM had received a complaint on another non-compliance by the appellant with the Industrial Court Award No 151 of 2015 dated 10 February 2015 ('2015 Award'). Through the 2015 award, the Industrial Court had ordered the appellant to pay the retirement benefits to one Puan Zurriyani bt Omar amounting to RM44,099.17 through the Union within 14 days. However, the appellant still failed to make any payment as ordered by the Industrial Court. Following that, the appellant was charged in the magistrate's court with two separate charges, pursuant to s 56(3) of the Industrial Relations Act 1967 ('Act 177') read together with s 51F of Act 177 for non-compliance. The magistrate convicted and imposed the following sentence: (a) for the 2013 award-related case, a fine of RM1,000 and an additional fine of RM1,071,000 (RM500 x 2,142 days); and (b) for cases related to the 2015 award, a fine of RM1,000 and an additional fine of RM829,500 (RM500 x 1,659 days). Hence, this appeal. The issues raised for the consideration of the court were: (i) whether the magistrate's court had

jurisdiction to impose sentence beyond the jurisdiction of the magistrate as provided under the Subordinate Courts Act 1948 (Act 92); and (ii) whether the entire prosecution was a mistake and void as there was no consent from the public prosecutor.

Held, dismissing the appeal; affirming the magistrate court's decision:

(1) Both charges related to the offence committed by the appellant which was an offence punishable under s 56(3) and read together with s 51F of Act 177. In both charges, it was also stated in the sentencing section that the appellant could be fined an additional RM500 for each day the offence continued. Section 56(3) of Act 177 clearly states that the punishment that could be imposed was 'to be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and a further fine of five hundred ringgit for every day during which such offence continues'. Therefore, the original penalty that could be imposed was not more than RM2,000 but the provision gave the discretion to the magistrate to impose a further fine of RM500 for each day the offence continues (see paras 20–23).

(2) The offence committed by the appellant was still being committed even though the charges had been filed and read. The offence only stop when the appellant complied with both awards. In this regard, the fine or further penalty imposed by the magistrate was not subsequent offence that required a separate charge to be imposed. Furthermore, the subsequent fine was a specific provision under Act 177 for special offences under this Act. It was therefore a specific provision which was permissible as per the provision enacted under s 87(1) of Act 92 (see paras 28 & 34–35).

(3) The averment that the appellant was not informed as to the manner in which the subsequent fine was to be calculated was without merit in view of the fact that: (a) during the sentencing proceedings, the appellant was represented by counsel; and (b) in the charge sheet against the appellant, it appeared that the prosecution had stated in the sentencing section that an additional fine of RM500 for each day the offence continues to be imposed. It was clear that there was additional fine to be imposed as long as the amount of the award was not settled by the Industrial Court. Therefore, the decision on the additional fine imposed to the appellant was not a surprise and the duration of the offence was indeed within the knowledge of the appellant (see paras 37 & 39).

(4) Section 51E of Act 177 provides for two prosecution options, namely 'by the public prosecutor' or 'with the consent of the public prosecutor'. In this case, the presence of the deputy public prosecutor ('DPP') during the proceeding of the case was clearly includes 'by the public prosecutor' because the DPP was the alter ego of the public prosecutor. Therefore,

there was no error when the appellant was initially charged (see paras 45–46 & 48).]

Kes-kes yang dirujuk

Cheong Ah Cheow v PP [1985] 2 MLJ 257 (dirujuk)
Cinema Workers' Union v Gopal Naidu And Anr (1994) IIILLJ 193 KANT, MT (dirujuk)
Goh Keat Peng v PP [2001] 3 MLJ 172, MT (dirujuk)
Haji Mohamed Paiman v PP [1966] 1 MLJ 58 (dirujuk)
Hiralal Rattanlal Etc vs State of UP And Anr Etc AIR 1973 SC 1034, MA (dirujuk)
Lee Ngak Piew v PP [1999] 4 MLJ 79, MT (dirujuk)
Megat Najmuddin bin Dato Seri (Dr) Megat Khas v Bank Bumiputra (M) Bhd [2002] 1 MLJ 385; [2002] 1 CLJ 645, MP (dirujuk)
Meow Loong Onn v PP [1997] 2 MLJ 612, MT (dibeza)
Nadarajah v PP [2000] 4 MLJ 373, MT (dirujuk)
PP v Tengku Hitam [1962] 1 MLJ 414 (dirujuk)
Regina v Lim Heng Soon & Ors [1954] 1 MLJ 151; [1954] 1 LNS 94 (dirujuk)
Rex v Lam Chip Heng [1938] 1 MLJ 182 (dirujuk)
Sardar Ali Hassan Muhammad (W/Pakistan) v PP [2020] MLJU 1395; [2020] CLJU 1939; [2020] 1 LNS 1939, MR (dirujuk)
State of Bihar v Deokaran Nenshi 1973 AIR 908, MA (dirujuk)
Tebin bin Mostapa (as administrator of the estate of Hj Mostapa bin Asan, deceased) v Hulba-Danyal bin Balia & Anor (as joint administrators of the estate of Balia bin Munir, deceased) [2020] 4 MLJ 721; [2020] 7 CLJ 561, MP (dirujuk)
Trilok Chand vs CN Srivastava And Ors AIR 1961 ALL 88, MT (dirujuk)
Wong Keng Liang v PP [2013] 4 MLJ 263, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Rendah 1948 s 87, 87(1), (1)(c)
Akta Perancang (Wilayah Persekutuan) 1982 s 26(1)
Akta Perhubungan Perusahaan 1967 s 51, 51E, 51F, 51F(a), 56, 56(3)
Akta Polis 1967 s 27
Immigration Ordinance 1959 s 58(2)

Muhammad Nur Izzat Nordin (Muhammad Danish Abdul Rasid bersamanya) (Amar Syiimir Izzat & Sham) bagi pihak perayu.
Mohd Farid Huzaimi Mohd Baderudin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Perhubungan Perusahan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia) bagi pihak responden.

Mohamad Abazafree H:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah merupakan rayuan oleh perayu yang merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 ke atas sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Tuan majistret Langkawi pada 29 September 2019. Perayu telah disabitkan bagi dua pertuduhan di bawah s 56(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ('Akta 177') yang dibaca bersama-sama dengan s 51F(a) Akta 177.

[2] Di Mahkamah Majistret Langkawi, perayu telah dituduh secara berasingan bagi kedua-dua pertuduhan dan turut dituduh secara berasingan adalah dua pengarah perayu. Tuan majistret Langkawi telah memerintahkan kesemua mereka membela diri setelah pihak PR membuktikan satu kes prima facie. Namun semasa kes di peringkat pembelaan, perayu telah menukar pengakuan kepada mengaku bersalah. Oleh itu, Tuan majistret telah mengarahkan pertuduhan dibacakan semula kepada perayu dan perayu telah mengaku bersalah sebaik sahaja pertuduhan dibacakan.

[3] Tuan majistret selanjutnya telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000 dan denda tambahan sebanyak RM1,071,000 (RM500 x 2,142 hari) bagi kes yang pertama dan hukuman denda sebanyak RM1,000 dan denda tambahan sebanyak RM829,500 (RM500 x 1,659 hari) bagi kes yang kedua. Manakala bagi kedua-dua pengarah, pihak PR telah menarik balik pertuduhan ke atas mereka.

PERTUDUHAN-PERTUDUHAN KE ATAS PERAYU

[4] Pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu adalah seperti berikut:

Kes KA-41S-13–11 Tahun 2019

> Bahawa kamu pada 31 Oktober 2013 telah gagal mematuhi award pematuhan Mahkamah Perusahaan Malaysia No 1684 Tahun 2013 bertarikh 8 Oktober 2013 sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 6(2)(a)(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyampaian Award, dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 56(3) dan dibaca bersama dengan seksyen 51F Akta yang sama.

Kes KA-41S-15–11 Tahun 2019

> Bahawa kamu sebagai pengarah syarikat pada 3 Mac 2015 telah gagal mematuhi award pematuhan Mahkamah Perusahaan Malaysia No 151 Tahun 2015 bertarikh 10 Februari 2015 dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyampaian

award sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 6(2)(a)(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 56(3) Akta 177 dan dibaca bersama dengan seksyen 51F Akta yang sama.

FAKTA KES

[5] Bagi kes KA-41S-13–11 Tahun 2019, fakta kes diringkaskan seperti berikut:

(a) Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia ('JPPM') telah menerima aduan daripada Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Hotel, Bar dan Restoran Semenanjung Malaysia ('Kesatuan') melalui surat bertarikh 22 November 2013 berhubung ketidakpatuhan perayu terhadap award Mahkamah Perusahaan No 1684 Tahun 2013 ('Award Tahun 2013');

(b) melalui Award Tahun 2013 tersebut, Mahkamah Perusahaan telah mengarahkan perayu untuk membayar faedah persaraan kepada Puan Balkhis bt Husin berjumlah RM41,394 melalui Kesatuan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyampaian award Tahun 2013;

(c) award Tahun 2013 telah disampaikan kepada perayu pertama melalui peguamnya, Tetuan Shahabudin & Rozima pada 16 Oktober 2013;

(d) perayu melalui surat daripada Tetuan Victor Wong & Co Advocates bertarikh 29 November 2019 telah membuat sebahagian bayaran iaitu sebanyak RM17,513 kepada Puan Balkhis bt Husin melalui Kesatuan;

(e) Kesatuan telah mengemukakan maklum balas penerimaan bayaran tersebut melalui surat bertarikh 27 Disember 2013 dan seterusnya menuntut baki bayaran sebanyak RM23,881 daripada perayu; dan

(f) ketiadaan maklum balas daripada perayu pertama membuatkan Kesatuan mengambil tindakan mengemukakan aduan sekali lagi ke JPPM melalui surat bertarikh 24 Februari 2014 dan JPPM telah membuka kertas siasatan untuk tindakan pendakwaan.

[6] Manakala fakta bagi kes KA-41S-15–11 Tahun 2019 adalah seperti berikut:

(a) JPPM telah menerima aduan daripada Setiausaha Agung Kesatuan melalui surat bertarikh 20 Januari 2017 berhubung ketidakpatuhan perayu terhadap award Mahkamah Perusahaan No 151 Tahun 2015 bertarikh 10 Februari 2015 ('Award Tahun 2015');

(b) melalui Award Tahun 2015 tersebut, Mahkamah Perusahaan telah mengarahkan perayu untuk membayar faedah persaraan Puan Zurriyani bt Omar berjumlah RM44,099.17 melalui Kesatuan dalam tempoh

14 hari dari tarikh penyampaian award Tahun 2015;

(c) award Tahun 2015 telah disampaikan kepada perayu melalui peguamnya, Tetuan Shahabudin & Rozima pada 16 Februari 2015; dan

(d) Walau bagaimanapun, perayu masih gagal membuat apa-apa bayaran seperti yang diperintahkan oleh Mahkamah Perusahaan tersebut. Berdasarkan aduan bertarikh 20 Januari 2017 tersebut, JPPM telah membuka kertas siasatan untuk tindakan pendakwaan.

ISU-ISU BERBANGKIT

[7] Terdapat dua isu utama yang berbangkit di dalam rayuan ini iaitu:

(a) sama ada Tuan majistret mempunyai bidang kuasa untuk memberi hukuman yang melebihi bidang kuasa majistret sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92); dan

(b) sama ada keseluruhan pendakwaan adalah satu kesilapan dan tidak sah kerana tidak terdapat keizinan daripada pendakwa raya.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH

Isu (a): Sama ada Tuan majistret mempunyai bidang kuasa untuk memberi hukuman yang melebihi bidang kuasa majistret sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92)

[8] Bagi isu ini, peguam perayu menghujahkan bahawa Tuan majistret telah melakukan kekhilafan apabila menghukum perayu satu penalti berjumlah RM1,071,000 berdasarkan pengiraan RM500 x 2142 hari dan sebanyak RM829,500 berdasarkan pengiraan RM500 x 659 hari. Hukuman penalti ini dihujahkan oleh peguam sebagai bersalahan kerana perayu hanya dikenakan pertuduhan kerana tidak mematuhi award oleh Mahkamah Perusahaan dan telahpun didenda sebanyak RM1,000.

[9] Pengenaan penalti ini dihujahkan sebagai satu yang salah kerana ia dihujahkan sebagai satu kesalahan berlanjutan (*continuing offences*). Bagi membolehkan satu penalti atau hukuman dijatuhkan oleh Tuan majistret bagi kesalahan berlanjutan ini, maka pertuduhan baru hendaklah dikemukakan oleh pihak PR ke atas perayu. Sehubungan dengan itu, hukuman penalti tersebut dihujahkan oleh peguam sebagai satu kesalahan dan perlu diketepikan manakala hukuman asal sebanyak RM1,000 bagi setiap pertuduhan adalah sah dan wajar dikekalkan.

[10] Peguam menghujahkan bahawa pengenaan penalti tersebut jelas bertentangan dengan bidang kuasa Tuan majistret di bawah s 87 Akta 92 yang menghadkan bidang kuasa majistret setakat denda tidak melebihi RM10,000

(rujuk kes: *Public Prosecutor v Tengku Hitam* [1962] 1 MLJ 414 dan *Wong Keng Liang v Public Prosecutor* [2013] 4 MLJ 263).

[11] Peguam turut menghujahkan bahawa proviso di bawah s 87(1) Akta 92 adalah tidak turut terpakai kerana Akta 177 tidak mempunyai peruntukan yang membenarkan Tuan majistret untuk mengenakan hukuman yang melampaui bidang kuasanya (rujuk kes: *Cheong Ah Cheow v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 257, *Nadarajah v Public Prosecutor* [2000] 4 MLJ 373 dan *Lee Ngak Piew v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 79).

[12] Hujahan terakhir peguam berkaitan isu ini adalah Tuan majistret dikatakan terkhilaf apabila tidak menyatakan dengan jelas sebelum pengakuan salah diterima bagaimana pengiraan penalti tersebut dilakukan dan ini menjadikan pengakuan bersalah perayu sebagai tidak sah kerana perayu tidak dibuktikan faham berkenaan kesan atau akibat dari pengakuan bersalahnya (rujuk: *Rex v Lam Chip Heng* [1938] 1 MLJ 182).

[13] Tuan TPR sebaliknya menghujahkan bahawa s 56(3) Akta 177 memberi kuasa kepada mahkamah majistret untuk mengawardkan denda tambahan bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berlaku. Denda tambahan dikira dari tarikh kesalahan itu berlaku iaitu pada hari pertama award Mahkamah Perusahaan tidak dipatuhi. Sekiranya denda tambahan di bawah s 56(3) Akta 177 ini telah melebihi RM10,000 seperti yang ditetapkan dalam s 87(1)(c) Akta 92, maka mahkamah majistret masih boleh mengenakan denda tersebut selaras dengan proviso kepada s 87(1) Akta 92.

[14] Sehubungan dengan itu, berdasarkan kuasa yang jelas diperuntukkan di bawah s 56(3) Akta 177, TPR menghujahkan bahawa Tuan majistret tidak tersalah arah apabila menjatuhkan hukuman sebanyak RM1,000 kepada perayu yang mana denda tersebut di bawah denda maksimum yang diperuntukkan dan Tuan majistret juga dihujahkan sebagai tidak tersalah arah apabila menggunakan budi bicaranya, menjatuhkan denda tambahan kepada perayu berdasarkan bilangan hari kesalahan itu berterusan sepertimana yang dibenarkan di bawah s 56(3) Akta 177 dan ianya selaras dengan proviso kepada s 87(1) Akta 92.

[15] Mahkamah ini berpandangan bahawa teras ke atas isu ini adalah sama ada penalti tambahan yang dikenakan tersebut adalah merupakan satu kesalahan berterusan atau sebaliknya. Jika ia merupakan satu kesalahan berterusan, maka sama ada Tuan majistret dibolehkan untuk mengenakan penalti tersebut.

[16] Adalah wajar di peringkat ini mahkamah menurunkan s 56 Akta 177 seperti berikut:

(1) Any complaint that any term of any award or of any collective agreement which has been taken cognizance of by the Court has not been complied with may be lodged with the Court in writing by any trade union or person bound by such award or agreement.

(2) ...

(2A) ...

(3) Any person who fails to comply with an order of the Court under subsection (2) shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and a further fine of not exceeding five hundred ringgit for every day during which such offence continues.

[17] Apa yang dimaksudkan sebagai kesalahan berterusan telah disentuh di dalam kes *State of Bihar v Deokaran Nenshi* 1973 AIR 908 sebagai:

A continuing offence is one which is susceptible of continuance and is distinguishable from the one which is committed once and for all. It is one of those offences which arises out of a failure to obey or comply with a rule or its requirement and which involved a penalty, the liability for which continues until the rule or its requirement is obeyed or complied with. On every occasion that such disobedience or noncompliance occurs and recurs, there is the offence committed. The distinction between the two kinds of offences is between an act or omission which constitutes an offence once and for all and an act or omission which continues and, therefore, constitutes, a fresh offence every time or occasion on which it continues. In the case of a continuing offence, there is thus the ingredient of continuance of the offence which is absent in the case of an offence which takes place when an act or omission is committed once and for all.

[18] Manakala di dalam negara, apa yang dimaksudkan sebagai kesalahan berterusan pernah disentuh oleh Hakim KC Vohrah HMT (pada ketika itu) di dalam kes *Meow Loong Onn v Public Prosecutor* [1997] 2 MLJ 612 yang menyatakan:

The provision under which he was charged reads as follows:

20(1) ..., no person shall commence, undertake, or carry out any development irrespective of whether or not the development is in on formity with the development plan unless:

(a) a development order granting planning permission in respect of the development has been issued to him under this Act; .... The punishable section reads as follows:

26(1) Any person who whether at his own instance or at the instance of any other person —

...

(b) commences, undertakes or carries out development in contravention of sub-s (1) of s 20; ...

A is guilty of an offence and on conviction is liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit and in the case of a continuing offence to a further fine which may extend to five hundred ringgit for every day during which the offence continues after conviction for the first commission of the offence.

B *The magistrate must have been misled by the language used in s 26(1) of the Act relating to a 'continuing offence' and thought he had power to continue the proceedings and he adopted a procedure which is neither provided in the Act nor in the Criminal Procedure Code (FMS Cap 6). And it has to be noted that no charge was at all preferred against the appellant in respect of the so-called continuing offence. To be noted too is that the appellant was charged for a continuing offence which the prosecuting officer stated was*
C *one of not carrying out works in accordance with the plan that had been approved (in respect of the premises), this being clearly of a different nature from the offence the appellant was charged with on 2 November 1995 (that of carrying out works without a development order). What the magistrate did after he became functus officio was to take the role of an enforcement officer. He anticipated the commission of an offence and appeared to call for investigation and in fact looked at investigation reports, acting like*
D *an enforcement officer exercising executive powers.* A magistrate, however, exercises judicial powers and has no power to exercise such executive powers while on the bench. If a person had continued carrying on development work after conviction for the first commission of the offence or if he did not, after he had received an approved plan for his works, comply with the approved plan (see eg *Tan Sin v Public*
E *Prosecutor* [1969] 1 MLJ 230), then it is for the prosecution to frame the appropriate charge and summon the person to court where he has to be asked by the magistrate to plead to the charge. (Penekanan ditambah.)

[19] Manakala di dalam kes *Regina v Lim Heng Soon & Ors* [1954] 1 MLJ
F 151; [1954] 1 LNS 94, hakim Spenser Wilkinson telah menyatakan:

The learned deputy public prosecutor admitted that such an order could not be supported and I have no doubt that it cannot stand. Where the law provides for a continuing offence a fine can be imposed in respect of every day upon which it is proved that the offence has continued — but the only authority that can decide
G whether or not the offence has continued is the Court.

The following passage appears in *Stone's Justices Manual* (79th Ed), p 184: — 'A penalty of a fixed sum and a further sum per day during the continuance of the offence may be adjudged where authorised by statute upon one information. —

This sentence is to some extent ambiguous and might perhaps be thought to justify
H the imposition of a fine *in futuro*; but the authorities cited in support of the proposition make it clear that fines for a continuing offence can be imposed only after proof that the offence has continued (see *Airey v Smith* [1907] 2 KB 273).

[20] Bagi menentukan sama ada penalti tersebut adalah merupakan satu
I yang tercakup sebagai satu kesalahan berterusan, penilaian pertama harus diberikan ke atas kedua-dua pertuduhan yang dikenakan. Penilaian mahkamah mendapati, kedua-dua pertuduhan hanya menyatakan berkenaan kesalahan yang dilakukan oleh perayu iaitu satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 56(3) dan dibaca bersama dengan s 51F Akta 177.

[21] Di dalam kedua-dua pertuduhan, turut dinyatakan di bahagian hukuman bahawa perayu boleh dikenakan denda tambahan sebanyak RM500 bagi setiap hari kesalahan tersebut berterusan. A

[22] Manakala s 56(3) Akta 177 menyatakan dengan jelas bahawa hukuman yang boleh dikenakan adalah 'be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and a further fine of five hundred ringgit for every day during which such offence continues'. B

[23] Oleh itu, pada hemat mahkamah, hukuman asal yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi RM2,000 namun peruntukan tersebut memberikan budi bicara kepada Tuan majistret untuk mengenakan denda lanjut (*further fine*) sebanyak RM500 untuk setiap hari kesalahan tersebut berterusan. C

[24] Mahkamah berpandangan bahawa perkataan 'such offence' di bawah s 56(3) Akta 177 sepertimana yang dinyatakan di bahagian hukuman, adalah secara jelas merujuk kepada kesalahan yang telah dilakukan sepertimana pertuduhan dan ia tidak mewujudkan kesalahan lain. Peruntukan ini adalah semata-mata merupakan satu peruntukan untuk menaikkan hukuman asas yang boleh dikenakan tanpa ia mewujudkan kesalahan yang baru atau berterusan. D E

[25] Pada hemat mahkamah, sekiranya Parlimen berniat untuk mewujudkan kesalahan yang baru, maka peruntukan tersebut sewajarnya menyatakan 'commits an offence'. F

[26] Di dalam masa yang sama, kedudukan peruntukan ini pada hemat mahkamah, tidak sama dengan apa yang berlaku di dalam kes *Meow Loong Onn* di mana s 26(1) Akta Perancang (Wilayah Persekutuan) 1982 (Akta 267) dengan jelas menyatakan bahawa sebarang kesalahan berterusan (*continuing offence*) memboleh denda dikenakan. Seksyen 26(1) tersebut turut menyatakan 'which the offence continues after the conviction for the commission of the the offence'. G H

[27] Namun di dalam s 56(3) Akta 177, pengenaan denda atau penalti tambahan tersebut adalah untuk 'every day during which such offence continues'. Ia bermaksud bahawa ia hanyalah denda tambahan bagi kesalahan yang sama yang perlu dikira ke atas hari ianya masih berterusan. Ia bukanlah satu kesalahan yang baru dilakukan selepas kesalahan asas. I

[28] Di dalam masa yang sama, kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah masih berterusan dilakukan walaupun pertuduhan telah difailkan dan

dibacakan. Kesalahan hanya berhenti apabila perayu mematuhi kedua-dua award tersebut. Pandangan mahkamah ini adalah bersandarkan kepada keputusan di dalam kes *Trilok Chand vs CN Srivastava And Ors* AIR 1961 ALL 88 yang memutuskan seperti yang berikut:

> 'Continuing Offence' means an offence that continues from moment to moment without any interruption or break. It is an offence that must continue without requiring any act on the part of the offender to keep it in existence. It is an offence which would come to an end only when the accused does an act to terminate it.

[29] Manakala di dalam kes *Cinema Workers' Union v Gopal Naidu And Anr* (1994) IIILLJ 193 KANT telah menyatakan seperti yang berikut:

> In this case, the award is passed ordering reinstatement with back wages. So long as that award is not complied with, its non-compliance would amount to an offence every moment so long as it has not been given effect to. Therefore, in the ordinary course, non-complying with the order of reinstatement would amount to a continuous offence. It ceases to be an offence, once it is complied with. So long as it is not complied with, non-compliance thereof would amount to an offence being committed continuously. Therefore, I have no hesitation in mind to hold that the non-compliance with the award of reinstatement is a continuous offence and not an offence committed once and for all.

[30] Mahkamah di dalam memberi tafsiran ini mengambil kira bahawa tujuan peruntukan ini diwujudkan adalah bagi maksud untuk mengenakan hukuman yang tinggi kepada pihak-pihak yang tidak menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan. Ia mengambil kira bahawa Akta 177 adalah bertujuan untuk memberi perlindungan kepada para pekerja.

[31] Adalah menjadi prinsip pentafsiran sesuatu peruntukan undang-undang bahawa mahkamah harus memberi kesan kepada maksud dan tujuan sesuatu peruntukan itu. Di samping itu mahkamah mesti mentafsirkan sesuatu peruntukan undang-undang secara literal sesuai dengan kata-kata yang digunakan dan tidak memasukkan apa-apa perkataan yang tidak terdapat di dalam peruntukan tersebut.

[32] Ini selaras dengan keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Tebin bin Mostapa (as administrator of the estate of Hj Mostapa bin Asan, deceased) v Hulba-Danyal bin Balia & Anor (as joint administrators of the estate of Balia bin Munir, deceased)* [2020] 4 MLJ 721; [2020] 7 CLJ 561 yang telah meringkaskan tatacara tafsiran sesuatu peruntukan undang-undang seperti berikut:

> In our opinion, the rules governing statutory interpretation may be summarised as follows. First, in construing a statute, effect must be given to the object and intent of the Legislature in enacting the statute. Accordingly, the duty of the court is limited to interpreting the words used by the Legislature and to give effect to the

words used by it. The court will not read words into a statute unless clear reason for it is to be found in the statute itself. Therefore, in construing any statute, the court will look at the words in the statute and apply the plain and ordinary meaning of the words in the statute. Second, if, however the words employed are not clear, then the court may adopt the purposive approach in construing the meaning of the words used. Section 17A of the Interpretation Acts 1948 and 1967 provides for a purposive approach in the interpretation of statutes. Therefore, where the words of a statute are unambiguous, plain and clear, they must be given their natural and ordinary meaning. The statute should be construed as a whole and the words used in a section must be given their plain grammatical meaning. It is not the province of the court to add or subtract any word; the duty of the court is limited to interpreting the words used by the Legislature and it has no power to fill in the gaps disclosed. Even if the words in a statute may be ambiguous, the power and duty of the court 'to travel outside them on a voyage of discovery are strictly limited'. Third, the relevant provisions of an enactment must be read in accordance with the legislative purpose and applies especially where the literal meaning is clear and reflects the purposes of the enactment. This is done by reference to the words used in the provision; where it becomes necessary to consider every word in each section and give its widest significance. An interpretation which would advance the object and purpose of the enactment must be the prime consideration of the court, so as to give full meaning and effect to it in the achievement to the declared objective. As such, in taking a purposive approach, the court is prepared to look at much extraneous materials that bears on the background against which the legislation was enacted. It follows that a statute has to be read in the correct context and that as such the court is permitted to read additional words into a statutory provision where clear reasons for doing so are to be found in the statute itself.

[33] Begitu juga di dalam kes *Megat Najmuddin bin Dato Seri (Dr) Megat Khas v Bank Bumiputra (M) Bhd* [2002] 1 MLJ 385; [2002] 1 CLJ 645 apabila Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada kes *Hiralal Rattanlal Etc vs State of UP And Anr Etc* AIR 1973 SC 1034 yang memutuskan seperti yang berikut:

In construing a statutory provision, the first and the foremost rule of construction is the literary construction. All that we have to see at the very outset is what does that provision say? If the provision is unambiguous and if from that provision, the legislative intent is clear, we need not call into aid the other rules of construction of statutes. The other rules of construction of statutes are called into aid only when the legislative intent is not clear.

[34] Sehubungan dengan itu, mahkamah berpandangan bahawa denda atau penalti lanjutan yang dikenakan oleh Tuan majistret tersebut bukanlah merupakan satu kesalahan lanjutan yang memerlukan satu pertuduhan berasingan dikenakan. Ia juga tidak menjadikan Tuan majistret *functus officio* sebaik sahaja sabitan dijatuhkan oleh Tuan majistret ke atas pertuduhan yang dikenakan.

[35] Selanjutnya mahkamah turut berpandangan bahawa denda lanjutan ini adalah merupakan peruntukan khusus yang diperuntukkan oleh Akta 177 kepada kesalahan khusus di bawah Akta ini. Maka ia adalah merupakan satu peruntukan khusus yang dibenarkan sepertimana proviso di bawah s 87(1) Akta 92 yang menyatakan:

> Dengan syarat bahawa jika, melalui mana-mana undang- undang yang sedang berkuat kuasa, bidang kuasa diberikan kepada Mahkamah mana-mana Majistret untuk mengawardkan hukuman bagi apa-apa kesalahan yang melebihi kuasa yang ditetapkan oleh seksyen ini, seorang Majistret Kelas Pertama boleh, walau apa pun yang terkandung dalam seksyen ini, mengawardkan hukuman penuh yang dibenarkan oleh undang-undang itu

[36] Pada pandangan mahkamah, s 87(1)(c) Akta 92 adalah secara nyata menetapkan bidang kuasa mahkamah majistret untuk mengenakan denda maksimum sebanyak RM10,000. Walau bagaimanapun, proviso s 87(1) Akta 92 jelas membenarkan mahkamah majistret untuk mengawardkan hukuman bagi apa-apa kesalahan yang melebihi kuasa yang ditetapkan di bawah s 87(1) Akta 92 sekiranya undang-undang sedemikian membenarkannya.

[37] Berkaitan hujahan peguam bahawa perayu tidak dimaklumkan berkaitan cara pengiraan denda lanjutan tersebut, mahkamah berpandangan bahawa hujahan ini tidak bermerit mengambil kira bahawa ketika prosiding jatuhan hukuman tersebut, OKT diwakili oleh seorang peguam. Ini dapat dilihat dari nota keterangan yang merupakan sebahagian dari rekod rayuan.

[38] Selain itu, sepertimana yang telah dijelaskan di awal penghakiman ini, di dalam kertas pertuduhan ke atas perayu sepertimana di dalam rekod rayuan, ternyata pihak PR telah menyatakan di bahagian hukuman bahawa denda tambahan sebanyak lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan boleh dikenakan. Ini secara nyata dan jelas memberi maklumat bahawa pengenaan denda tambahan tersebut dikira selagi mana jumlah award Mahkamah Perusahaan tidak diselesaikan. Berdasarkan fakta kes ini, perayu sedar bahawa tarikh bermulanya kesalahan ketidakpatuhan award adalah pada 31 Oktober 2013 bagi award tahun 2013 dan 3 Mac 2015 bagi Award Tahun 2015. Oleh itu, pengiraan denda tambahan bermula pada tarikh-tarikh ini dan dikira sehingga tarikh bayaran penuh yang telah dibuat oleh perayu pada 13 September 2019 dan 17 September 2019.

[39] Dengan kata yang lain, perayu sedar bahawa perayu telah mengabaikan perintah dalam award Mahkamah Perusahaan No 1684 Tahun 2013 dan award Mahkamah Perusahaan No 151 Tahun 2015 melebihi empat tahun. Oleh itu, apabila Perayu dibacakan pertuduhan sekali lagi selepas mengaku bersalah, perayu telah faham akan denda dan akibat yang akan dikenakan terhadapnya. Oleh yang demikian, keputusan denda tambahan yang dikenakan terhadap

perayu tersebut bukanlah satu kejutan dan tempoh kesalahan tersebut sememangnya di dalam pengetahuan perayu.

[40] Sehubungan dengan itu, bagi isu (a), mahkamah memutuskan bahawa tiada merit untuk mewajarkan mahkamah ini campur tangan.

Isu (b): Sama ada keseluruhan pendakwaan adalah satu kesilapan dan tidak sah kerana tidak terdapat keizinan daripada pendakwa raya

[41] Selanjutnya berkaitan isu (b), peguam perayu mengasaskan hujahan mereka ke atas s 51E Akta 177 yang menyatakan:

> No prosecution shall be instituted for an offence under this Act or any regulations made under this Act except by or with the consent in writing of the Public Prosecutor.

[42] Peguam menghujahkan bahawa di dalam kedua-dua kes tidak terdapat sebarang keizinan (*consent*) bertulis yang telah dikeluarkan oleh PR bagi memulakan pendakwaan ke atas perayu. Peguam mendasarkan hujahan mereka dengan merujuk kepada keputusan di dalam kes *Goh Keat Peng v Public Prosecutor* [2001] 3 MLJ 172 yang melibatkan s 27 Akta Polis 1967 (Akta 344) di mana hakim Zulkeli Makinuddin HMT (pada ketika itu) telah menyatakan:

> I am of the view that from the choice of words used in s 27C(1) of the Act, Parliament must have intended that there is a requirement for the public prosecutor to specify in the said consent which of the offences under s 27 of the Act the accused is being charged with. In this respect, *I find the nature of the wordings used in other laws or Acts where a consent or a sanction of the public prosecutor is required to prosecute an offence are not worded in the same form as found in s 27C(1) of the Act*. In the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA'), the consent of the public prosecutor under s 39B(3) is worded in the following words:
>
> > A prosecution under this section shall not be instituted except by or with the consent of the public prosecutor. (Penekanan ditambah.)

[43] Keperluan untuk menyediakan keizinan bertulis juga pernah dibincangan di dalam kes *Haji Mohamed Paiman v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 58 yang melibatkan s 58(2) Immigration Ordinance 1959 di mana Hakim Azmi HMT (pada ketika itu) menyatakan:

> Dato' Marshall said that the sanction was given about 4½ months after the appellant was first charged on the 10th of March, 1964. At that time no sanction was produced and, therefore, the whole proceedings before the learned president had been a nullity. He cited me the case of *Thorpe v Priestnall* [1897] 1 QB 159 and the local case of *Tengku Abdul Aziz v Public Prosecutor* [1951] 1 MLJ 185.
>
> In the case of *Thorpe v Priestnall*, the appellant was convicted under the Sunday Observation Act, 1676. The Sunday Observance Prosecution Act, 1871, provides that no prosecution shall be instituted for any offence under the Act of 1676 except

A by or with the consent in writing of the chief officer of police of the police district in which the offence is committed.

The information was laid on the 6th July, 1896, for an offence the appellant was alleged to have committed under the Act on July the 5th, 1896. The summons was issued on July the 6th calling on the appellant to appear on July the 15th. The B summons was served personally on July the 7th. The chief constable gave his verbal consent when it was asked on July the 6th, but it was not until the next day that he signed the written sanction. It was held that the prosecution was instituted when the information was laid on July the 6th, and therefore was not instituted with the consent in writing of the chief constable and the conviction was bad. (Penekanan C ditambah.)

[44] Tuan TPR sebaliknya menghujahkan bahawa di dalam kes ini kehadiran TPR semasa perbicaraan sudah mematuhi keperluan di bawah s 51 Akta 177 tersebut. TPR telah membawa perhatian mahkamah kepada nota D keterangan serta warta berkaitan TPR yang hadir dan menghujahkan bahawa keizinan bertulis PR adalah tidak diperlukan.

[45] Mahkamah berpandangan bahawa s 51 Akta 177 adalah berlainan sama E sekali dengan s 27 Akta 344 mahupun s 58(2) Immigration Ordinance 1959. Ini kerana di dalam s 51 Akta 177 ia menyediakan dua pilihan pendakwaan iaitu 'by the Public Prosecutor' ataupun 'with the consent of the Public Prosecutor'.

F **[46]** Di dalam kes ini, kehadiran seorang TPR semasa prosiding kes ini adalah dengan jelas tercakup sebagai 'by the Public Prosecutor' memandangkan TPR adalah merupakan alter ego kepada PR.

[47] Prinsip berkaitan alter ego pernah dibincangkan oleh Hakim Nordin G bin Hassan HMR (pada ketika itu) di dalam kes *Sardar Ali Hassan Muhammad (W/Pakistan) v Public Prosecutor* [2020] MLJU 1395; [2020] CLJU 1939; [2020] 1 LNS 1939, yang menyatakan seperti berikut:

Consent to prosecute

H ...

[47] In any event, *even if there was no CTP issued, the trial in the present case was conducted by deputy public prosecutor Puan Rozana bt Husin, who was the alter-ego of the public prosecutor. Her presence provides an implied consent for the prosecution of the appellant*.

I [48] On the same issue, Yusoff Mohamed J in *Public Prosecutor v Lim Boon Hock & Ors* [1985] 2 MLJ 219; [1985] CLJ Rep 688 had this to say:

> I held that *the consent was valid first, on the ground that in this case the Public Prosecutor himself conducted the prosecution and the consent as required under section 39B(3) of the Act was implicit in his presence*.

[49] Likewise in the case of *Public Prosecutor v Datuk Haji Dzulkifli* [1982] 1 MLJ 340; [1982] CLJ Rep 644 where Justice Tan Chiaw Thong said this:

> Even if a fresh consent to prosecute the accused on the altered charge, I consider that, the authorithy o*f Perumal v Public Prosecutor*, supra, the prosecution of the accused by the Deputy Public Prosecutor in this court from the outset constitutes such a consent.

(See also *Public Prosecutor v Oie Hee Koi & Associated Appeals* [1968] 1 MLJ 148[1967] 1 LNS 132; *Public Prosecutor v Chai Chong Yin & Anor* [1983] 1 MLJ 267[1982] CLJU 75[1982] 1 LNS 75; *Public Prosecutor v Mohamed Halipah* [1982] 1 MLJ 155[1981] CLJ Rep 238.) (Penekanan ditambah.)

[48] Sehubungan dengan itu, mahkamah berpandangan bahawa tiada sebarang kekhilafan yang telah berlaku di dalam permulaan pendakwaan ke atas perayu. Oleh itu bagi isu ini juga tiada merit bagi membenarkan rayuan perayu.

KESIMPULAN

[49] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan, mahkamah memutuskan bahawa tiada alasan bermerit bagi membolehkan mahkamah ini mengganggu sabitan dan hukuman yang telah diputuskan oleh Tuan majistret. Sayugia itu, rayuan ini ditolak dan keputusan Tuan majistret adalah dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh K Selvaraju